

Pemuda edar heroin, syabu diberkas

26 Februari 2018

Pemuda edar heroin, syabu diberkas

SEBERANG PERAI - Polis daerah Seberang Perai Utara (SPU) menahan seorang pemuda berusia 25 tahun di tepi jalan Kuala Muda, Penaga, Seberang Perai Utara di sini selepas disyaki menjalankan kegiatan mengedar heroin dan syabu semalam.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, hasil pemeriksaan ke atas suspek telah menjumpai sembilan pekot plastik lut sinar yang mengandungi bahan disyaki dadah jenis heroin seberat 575 gram (g) dan dua bungkus plastik disyaki berisi dadah jenis syabu dengan anggaran 50g.

"Siasatan mendapati dadah itu adalah untuk kegunaan sendiri dan nilai keseluruhan barang yang dirampas dianggarkan RM13,500," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

"Suspek dan barangan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah SPU untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu mengedar dadah berbahaya.